

Ahmad Rabiul Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Chukai

Menjelang Tahun Baru Cina, Februari ini, tempahan kuih bakul dilakukan gadis kurang upaya (OKU) Haziqah Nurul Huda Harun, 22, meningkat lima kali ganda berbanding tahun lalu.

Menurutnya, 240,000 kuih bakul dan 50,000 kuih bulan ditempah sejak awal bulan ini, sekali gus membuktikan perniagaan dilakukan Haziqah Nurul Huda atau lebih mesra disebut Yaya sejak 2016 itu semakin berkembang.

Lebih membanggakan, kilang pemprosesan makanan dibuka sejak Oktober tahun lalu di Kampung Bukit Kuang dengan modal RM150,000 kini dibantu 10 pekerja, sekali gus mampu mengeluarkan 30,000 kuih bulan setiap bulan.

Yaya berkata, dia bernasib baik kerana dibantu 10 pekerja di kilangnya kerana tempahan yang diterima semakin meningkat termasuk dari Singapura.

"Sehingga kini, 20,000 kuih bakul ditempah untuk pasaran Singapura manakala selebihnya membatikin pasaran tempatan termasuk Sabah dan Sarawak."

"Sepanjang Januari saja, 40,000 kuih bulan ditempah manakala selebihnya untuk dihantar sebelum Tahun Baru Cina bulan depan."

"Lebih 200 pelanggan datang terus ke kedai untuk membeli kuih bakul dan bu-

Berkepuaklah duit Yaya!

■ Gadis OKU terima lima kali ganda tempahan kuih bakul, bulan

YAYA tak menang tangan terima tempahan kuih bakul menjelang sambutan Tahun Baru Cina bulan depan.



lan dan terbaru kami menyediakan kuih bakul pelbagai perisa termasuk durian, cempedak, coklat dan jagung," katannya ketika diinterview di sini, semalam.

Yaya berkata, dia mempunyai 100 ejen di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak untuk memasarkan kuih bakul dan bulan ke-

luarannya selain merancang meneroka pasaran China tanpa melalui perantaraan orang tengah.

"Pasaran China kekurangan makanan halal, sekali gus membuka peluang kepada saya untuk memasarkan kuih bakul dan bulan ke sana selewat lewatnya Mac depan."

"Memandangkan kilang sudah beroperasi dengan

bantuan pekerja, saya yakin mampu mencapai had perngeluaran ditetapkan untuk pasaran ke negara berkenaan, lagi pun kami kini beroperasi 24 jam," katainya.

Menurutnya, selain sibuk menguruskan perniagaan, dia juga sering dijemput sebagai institusi pendidikan masyarakat Cina yang dihasilkan syarikat milik orang Islam dan berstatus halal, se-

Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seremban dan Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur untuk berkongsi pengalaman dan kisah kejayaan.

"Saya hanya memberi alternatif kepada umat Islam meneroka kuih tradisional masyarakat Cina yang dihasilkan syarikat milik orang Islam dan berstatus halal, se-

“

Memandangkan kilang sudah beroperasi dengan bantuan pelajar, saya yakin mampu mencapai had pengeluaran ditetapkan untuk pasaran ke negara berkenaan."

Haziqah Nurul Huda Harun

kali gus memberi peluang pekerjaan kepada remaja setempat," katanya.

Sebelum ini, Harian Metro pernah melaporkan mengenai kegigihan gadis OKU yang mengusahakan perniagaan kuih bakul dan bulan serta mendapat sambutan luar biasa daripada pelanggan termasuk pelanggan berbangsa Cina hingga tular di lantian sosial.

Kuih bakul hasil air tangan Haziqah Nurul Huda Harun lebih istimewa kerana dia mempelajari pembuatan kuih itu daripada sahabat Facebook yang berasal dari Beijing, China.

Ternyata, kuih bakul yang diperbuat daripada adunan tepung putut, air dan gua hasil resipi gadis berkerusi roda ini lebih enak, apabila menerima tempahan tinggi iaitu 4,000 biji sempena sambutan Tahun Baru Cina pada 2017.